



# The Observer

24.05.2024

## ❖ Pendedahan P.I.E Industrial mengenai kemenangan pesanan mengundang perhatian

Pemegang saham yang menghadiri mesyuarat agung tahunan (AGM) P.I.E Industrial Berhad (PIE) yang berlangsung baru-baru ini berkemungkinan disokong oleh harga saham tertinggi dalam rekod serta pesanan besar yang diperolehi syarikat baru-baru ini.

Sejak April 2024, harga saham PIE secara konsisten mencecah paras tertinggi baharu, terutamanya selepas Kenanga Research mengetengahkan pesanan yang besar daripada dua pelanggan. Dalam laporan bertarikh 18 April 2024, Kenanga Research mendedahkan bahawa ada pelanggan pelayan AI baharu akan menduduki sepenuhnya kemudahan terbesar PIE iaitu Loji 6, yang berkeluasan 280,000 kaki persegi. Sementara itu, ada pelanggan lain akan menduduki Loji 5, dengan jumlah kapasiti kira-kira 100,000 kaki persegi.

Dengan mengambil kira perkara ini, firma penyelidikan itu menaikkan unjuran keuntungan bersih PIE bagi tahun kewangan 2025 sebanyak 10% untuk mengambil kira sumbangan yang lebih tinggi daripada pelanggan baharu. Pada masa yang sama, Kenanga Research juga menaikkan harga sasaran untuk PIE sebanyak 69% daripada RM4.00 kepada RM6.75.

Sebuah artikel yang diterbitkan oleh The Edge<sup>1</sup> pada pukul 8 pagi pada 19 April turut menyemarakkan lagi keyakinan itu, yang memetik pengarah urusan kumpulan, Alvin Mui, yang menyatakan bahawa PIE menjangka pelanggan baharu itu menyumbang pendapatan tambahan berjumlah RM2.5 bilion kepada Kumpulan untuk tahun kewangan 2025 dan tahun kewangan 2026.

*"Pelanggan ini sepatutnya menyumbang pendapatan kira-kira RM1 bilion untuk 2025 dan RM1.5 bilion untuk 2026. Ia sepatutnya mewakili lebih 50% daripada jumlah*

### SOROTAN UTAMA

- Perkembangan terkini dalam P.I.E Industrial menimbulkan beberapa persoalan yang berkaitan dengan pendedahan maklumat yang ketara.
- Paling ketara, harga saham syarikat melonjak 47% dalam tempoh tiga hari sebelum pengumuman berhubung kemenangan kontrak yang besar. Selain itu, pendedahan nilai kontrak turut menarik perhatian, kerana angka ini telah diberikan kepada akhbar sebelum ia diumumkan secara rasmi.

<sup>1</sup> PIE Industrial confirms bagging new client, expects additional RM2.5 bil revenue, diterbitkan pada 19 April 2024, [theedgemaalaysia.com](https://www.theedgemaalaysia.com)

pendapatan Kumpulan. Kami optimis untuk mencapai pendapatan tambahan berjumlah RM2 bilion pada 2025," ujar Mui kepada Financial Daily.

Menariknya, angka kontrak yang lumayan ini tidak didedahkan oleh PIE sehingga 23 April iaitu tiga hari selepas pengumuman awalnya pada 19 April. Dalam pemfailannya pada 23 April, PIE berkata jangkakan pendapatan bagi tahun kewangan 2025 dan tahun kewangan 2026 masing-masing berjumlah RM1 bilion dan RM1.5 bilion.

### **Titik perbalahan**

Rangkaian peristiwa di atas menimbulkan beberapa persoalan berkaitan pendedahan maklumat penting PIE yang sepatutnya dibuat tepat pada masanya.

Pertama, dari 31 Mac hingga 18 April 2024, harga saham PIE melonjak sebanyak 56%, daripada RM3.56 kepada RM5.57. Peningkatan paling ketara berlaku hanya beberapa hari sebelum pengumuman bertarih 19 April kepada Bursa Malaysia iaitu dari 16 April hingga 18 April 2024, apabila harga saham melonjak 47%, daripada RM3.80 kepada RM5.57.

Selain itu, PIE mengesahkan dalam pemfailannya pada 19 April 2024 kepada Bursa Saham bahawa Kumpulan telah memperoleh pelanggannya pada 31 Mac 2024. Jika benar, mengapakah Kumpulan mengambil masa lebih dari dua minggu untuk mengumumkan maklumat penting ini kepada orang ramai?

Kedua, memandangkan PIE telah mendedahkan unjuran pendapatan Syarikat kepada The Edge pada 19 April (iaitu unjuran pendapatan sebanyak RM1 bilion dan RM1.5 bilion untuk tahun kewangan 2025 dan tahun kewangan 2026), mengapakah mereka tidak memasukkan angka ini ke dalam pengumumannya pada 19 April? Sebaliknya, Syarikat mendedahkan unjuran pendapatan ini empat hari kemudian, iaitu pada 23 April.

Di bawah Perenggan 9.03 (1) dan (2) Bab 9 – Pendedahan Berterusan, Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirements, MMLR*) -

(1) Penerbit tersenarai mesti membuat pendedahan umum serta-merta tentang apa-apa maklumat material, kecuali seperti yang dinyatakan dalam perenggan 9.05 di bawah.

(2) Maklumat dianggap material, sekiranya ia semunasabahnya dijangka mempunyai kesan material terhadap –

(a) harga, nilai atau aktiviti pasaran mana-mana sekuriti penerbit tersenarai; atau

(b) keputusan pemegang sekuriti penerbit tersenarai atau pelabur dalam menentukan pilihan tindakannya.

Dalam Perenggan 9.04 (b), MMLR memberikankan contoh peristiwa yang mungkin memerlukan pendedahan serta merta oleh penerbit tersenarai, seperti pemerolehan atau kehilangan hak kontrak, francais atau pengedaran.

## **Maklum balas daripada PIE**

Demi berlaku adil, MSWG telah mendapatkan maklum balas Lembaga Pengarah dalam AGM yang diadakan pada 17 Mei untuk mendengar penjelasan daripada Syarikat itu.

PIE menjelaskan bahawa Loji 6, yang memenuhi keperluan pelanggan baharu, sedang dalam fasa pembinaan dengan pengeluaran perintis menjelang akhir 2024. Memandangkan maklumat ini tidak memberi kesan yang ketara kepada prestasi kewangan bagi tahun kewangan 2024, Syarikat tidak membuat pengumuman “sehingga mencapai kemajuan keseluruhan yang lebih sempurna”.

*“Bagaimanapun, setiausaha syarikat kami menerima panggilan daripada Bursa Malaysia pada 19 April 2024, yang memerlukan kami membuat pengumuman berhubung pelanggan baharu berikutan kenaikan ketara harga saham syarikat pada 18 April 2024,”* menurut PIE dalam jawapan kepada MSWG bertarikh 17 Mei 2024.

Kemudian, firma itu menambah bahawa “pengumuman lanjut (bertarikh 23 April) mengenai unjuran pendapatan bagi tahun kewangan 2025 dan tahun kewangan 2026 diperlukan secara khusus oleh Bursa Malaysia untuk melengkapkan lagi pengumuman yang dibuat pada 19 April 2024”.

## **Pendapat kami**

MSWG sentiasa menegaskan bahawa penyebaran maklumat material yang tepat pada masanya adalah penting untuk pasaran modal yang cergas dan telus.

Kegagalan untuk mendedahkan sebarang maklumat material dengan serta merta akan mewujudkan peluang bagi orang dalam untuk terlibat dalam perdagangan orang dalam, yang mengakibatkan medan permainan yang tidak saksama. Medan permainan yang tidak seimbang itu merugikan pemegang saham minoriti yang biasanya menjadi pihak terakhir yang mengetahui maklumat material yang sensitif harga.

Kami tidak pasti sama ada lembaga pengarah Syarikat telah campur tangan untuk menasihati pihak pengurusan bagi memastikan maklumat itu diumumkan serta merta. Jika mereka telah berbuat demikian, tidak jelas mengapa pihak pengurusan tidak mengendahkan nasihat mereka.

Secara ringkas, prestasi harga saham PIE baru-baru ini adalah luar biasa. Kaunter itu mencatatkan keuntungan yang memberangsangkan sebanyak 65.73% untuk tempoh antara 1 April dan 23 April. Sehingga 23 Mei, PIE mencapai paras harga tertinggi baharu iaitu RM6.23, mengatasi paras tertinggi sebelum ini iaitu RM6.18 pada 9 Mei.

## **Oleh Pasukan Pemantauan MSWG**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 27 hingga 31 Mei 2024**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Perkara penting:													
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan												
Dayang Enterprise Holdings Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan dalam tinjauan, terdapat penggunaan tenaga berjumlah 6,467.75 megawatt jam (MWj) - 3,808.29 MWj adalah daripada bahan api sementara 2,659.46 MWj adalah daripada penggunaan elektrik.</p> <p>Penggunaan tenaga diesel dan petrol masing-masing ialah 3,736.65 MWj dan 71.64 MWj (Halaman 49, Laporan Tahunan)</p> <p>Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk mengurangkan penggunaan diesel dan tenaga pada masa hadapan memandangkan kedua-dua sumber tenaga ini menyumbang kepada pelepasan gas rumah hijau (<i>greenhouse gas, GHG</i>)?</p>												
Star Media Group Berhad (AGM)	<p>"Strategi kami bergantung pada dua komitmen iaitu menangani keperluan pelanggan dan memperkukuh prestasi kewangan kami. Sewaktu mengemudi peralihan ke media digital, kami tidak henti-henti dalam usaha untuk menyampaikan produk dan perkhidmatan yang sejajar dengan jangkaan pelanggan. Kami menyesuaikan diri dengan arah aliran pasaran menerusi penambahbaikan yang berterusan, pada masa yang sama menjaga kepentingan pihak berkepentingan" (Halaman 24, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Pendapatan dan keuntungan sebelum cukai untuk segmen Cetak, Digital dan Acara bagi tiga tahun kewangan yang lalu dinyatakan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>RM'000</th> <th>TK 2021</th> <th>TK 2022</th> <th>TK 2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pendapatan</td> <td>162,293</td> <td>184,860</td> <td>184,143</td> </tr> <tr> <td>(Kerugian)/ keuntungan sebelum cukai</td> <td>(152,081) *</td> <td>4,474</td> <td>(1,254)</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Jumlah kerugian sebelum cukai untuk dua segmen: (i) Cetak dan digital; dan (ii) Acara dan pameran ** TK – tahun kewangan</p> <p>Sejauh manakah kejayaan strategi Syarikat untuk meningkatkan pengewangan kandungan digitalnya dalam mengimbangi kemerosotan dalam pendapatan pengiklanan bercetak, dengan mengambil kira keputusan untuk segmen Cetak, Digital dan Acara?</p>	RM'000	TK 2021	TK 2022	TK 2023	Pendapatan	162,293	184,860	184,143	(Kerugian)/ keuntungan sebelum cukai	(152,081) *	4,474	(1,254)
RM'000	TK 2021	TK 2022	TK 2023										
Pendapatan	162,293	184,860	184,143										
(Kerugian)/ keuntungan sebelum cukai	(152,081) *	4,474	(1,254)										

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
D & O Green Technologies Berhad (AGM)	<p>D&amp;O telah menerima pakai Amalan 4.4 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (<i>Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG</i>), yang menyatakan bahawa penilaian prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan adalah termasuk kajian semula prestasi lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam menangani peluang dan risiko kelestarian Syarikat yang ketara. (Halaman 30-31, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023)</p> <p>a) Apakah wajaran KPI yang berkaitan kelestarian (mengikut peraturan) berbanding metrik operasi dan kewangan dalam penilaian Lembaga Pengarah serta pengurusan kanan secara keseluruhan?</p> <p>b) Bagaimanakah prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan berhubung dengan metrik ini?</p> <p>c) Apakah bidang yang memerlukan lebih tumpuan dan perhatian daripada Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan?</p>
Comfort Gloves Berhad (AGM)	<p>"Menurut rancangan Malaysia ke-12, Malaysia telah menetapkan sasaran dalam membina semula ekonomi yang berdaya tahan untuk negara yang makmur, inklusif dan mampan menjelang 2025. Matlamat ini perlu dicapai dengan cara yang merangkumi berdaya tahan, penggunaan karbon yang rendah serta kecekapan sumber. Cara ini boleh dicapai dengan bantuan pertumbuhan hijau, yang telah mula dilaksanakan oleh CGB." (Halaman 22, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Apakah risiko kemampuan utama yang dihadapi oleh operasi Kumpulan? Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk menangani risiko kemampuan ini?</p> <p>Berkenaan penggunaan karbon rendah yang selaras dengan sasaran negara, apakah KPI dan sasaran utama Kumpulan untuk 2023? Apakah pencapaian Kumpulan setakat ini?</p>
CelcomDIGI Berhad (AGM)	<p>Sebagai tindak balas kepada risiko iklim dan alam sekitar, Syarikat komited untuk mencapai Keberkecualian Karbon menjelang 2030 dan Sifar Bersih menjelang 2050, sejajar dengan Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (<i>Science Based Target Initiative, SBTi</i>) (Halaman 34, Laporan Tahunan 2023)</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	Apakah potensi cabaran atau halangan yang diramalkan oleh CelcomDigi dalam memenuhi sasaran Keberkecualian Karbon menjelang 2030? Jika ada, apakah strategi yang telah dirangka untuk menangannya?
Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (AGM)	<p>Komposisi semasa Lembaga Pengarah tidak menzahirkan kepelbagaian, iaitu hanya ada dua Pengarah wanita yang membentuk cuma 25% daripada keseluruhan Lembaga. Jumlah ini kurang daripada penanda aras 30% yang dicadangkan dalam Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), yang menggariskan kepentingan perwakilan wanita yang ketara (Halaman 42, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023).</p> <p>Memandangkan kepelbagaian Lembaga Pengarah semasa yang terhad, adakah usaha sedang dijalankan untuk mengenal pasti calon wanita yang sesuai untuk memegang jawatan sebagai bakal Pengarah? Jika ya, bilakah tempoh yang dijangkakan untuk mencapai objektif ini?</p>
Ta Ann Holdings Berhad (AGM)	<p>Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) menetapkan bahawa 30% daripada Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada wanita. Sehingga tahun kewangan 2023, terdapat dua pengarah wanita, yang mewakili 25% daripada bilangan pengarah dalam Lembaga Pengarah.</p> <p>Apakah langkah yang diambil untuk mencapai 30% perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah seperti yang ditetapkan oleh MCCG? Apakah rancangan dan strategi khusus yang telah disediakan oleh Lembaga Pengarah untuk mencapai matlamat ini? Bilakah Syarikat menjangkakan pematuhan terhadap Amalan 5.9?</p>
Guan Chong Berhad (AGM)	<p>Nisbah penggearan bersih Kumpulan telah meningkat kepada paras tertinggi dalam tempoh lima tahun iaitu sebanyak 1.21 kali pada tahun kewangan 2023 daripada 0.68 kali pada tahun kewangan 2022. Peningkatan ini terutamanya berpunca daripada harga biji koko yang tinggi.</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan nisbah ini akan meningkat, kekal atau menurun pada tahun kewangan 2024? Apakah langkah yang telah dirancang untuk menangani cabaran semasa?</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
SIME Darby Plantation Berhad (AGM)	<p><u>Hal-hal Kelestarian</u>  Pendedahan SD Plantation mengenai trend kebakaran dan titik panas yang disahkan dalam radius 5km dari sempadan ladang meningkat dengan ketara kepada 745 kes kebakaran yang disahkan, berbanding 139 kes pada tahun kewangan 2022. (Halaman 27, Laporan Kelestarian 2023)</p> <p>a) Apakah punca utama kebakaran yang berlaku dalam radius 5km dari sempadan ladang?</p> <p>b) Perubahan iklim menyebabkan cuaca panas melampau dan hujan lebat, yang boleh menyebabkan kenaikan dalam kejadian kebakaran dan banjir. Apakah strategi Kumpulan untuk menangani kesan perubahan iklim ke atas premium insurans?</p> <p><u>Hal-hal Tadbir Urus Korporat</u>  Kumpulan telah mengukuhkan lagi kepelbagaian Lembaganya, dengan 40% daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah wanita, meningkat daripada 30% pada tahun lepas. (Halaman 7, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Apakah faedah yang diperolehi Lembaga daripada peningkatan kepelbagaian jantina dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah? Bagaimanakah kesan faedah ini terhadap prestasi Lembaga Pengarah?</p>
Dutch Lady Milk Industries Berhad (AGM)	<p>Pelan Hala Tuju Kelestarian 2030 menggariskan sasaran yang bercita-cita tinggi, seperti pengurangan 30% dalam keamatan karbon dan keamatan air menjelang 2030 berbanding garis dasar 2022, dengan peralihan Kumpulan kepada kemudahan pembuatan baharunya iaitu DLMI@Enstek pada 2023.</p> <p>a) Apakah penggunaan teknologi khusus di kemudahan pembuatan baharu di Enstek yang dijangka menyumbang kepada matlamat kelestarian DLMI?</p> <p>b) Sila berikan gambaran keseluruhan portfolio tenaga semasa Kumpulan, dengan menyatakan bahagian sumber tenaga boleh diperbaharui berbanding elektrik grid. Adakah Kumpulan menetapkan apa-apa sasaran dan garis masa khusus untuk mencapai objektif campuran tenaga pada masa hadapan?</p>



<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Hengyuan Refining Company Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan yang jauh lebih rendah sebanyak RM15.4 bilion pada tahun kewangan 2023 berbanding RM21.1 bilion pada tahun kewangan 2022, dengan pengurangan sebanyak RM5.7 bilion atau 27%.</p> <p>Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembuatan meningkat sebanyak RM12.7 juta atau 6.9% daripada RM183.6 juta pada tahun kewangan 2022 kepada RM196.3 juta pada tahun kewangan 2023. (Halaman 95, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah perbelanjaan pembuatan tidak bergerak seiring dengan pendapatan yang menyusut?</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan perbelanjaan pembuatan yang lebih tinggi pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil oleh kumpulan untuk mengurangkan peningkatan dalam perbelanjaan pembuatan pada tahun kewangan 2024?</p>
UOA Development Bhd (AGM)	<p>Inventori Kumpulan iaitu hartanah siap yang dipegang untuk jualan berjumlah RM1.0 bilion pada tahun kewangan 2023 berbanding RM1.09 bilion pada tahun kewangan 2022. (Halaman 117, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Mengapakah inventori hartanah siap yang dipegang untuk jualan masih berada pada tahap yang tinggi pada tahun kewangan 2022 dan tahun kewangan 2023 iaitu kira-kira RM1 bilion pada kedua-dua tahun?</p> <p>b) Sila berikan pecahan untuk inventori hartanah siap yang dipegang untuk jualan jenis komersial dan kediaman pada tahun kewangan 2023.</p> <p>c) Berapakah bilangan unit dan nilai hartanah siap yang dipegang untuk jualan yang berusia lebih dari satu hingga dua tahun dan lebih dari dua tahun?</p> <p>d) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menjual inventori hartanah siap yang dipegang untuk jualan? Adakah langkah ini berjaya dari segi unit dan nilai yang dijual pada tahun semasa?</p>
IHH Healthcare Berhad (AGM)	Melihat dari sudut kecemerlangan operasi, IHH telah menumpukan pada mewujudkan rangka kerja yang



Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>kukuh bagi mengukur dan melaporkan kemajuan dengan tepat ke arah mencapai matlamatnya iaitu kemasukan 100% kes kemalangan dan kecemasan (<i>accidents and emergency, A&amp;E</i>) dalam tempoh sejam selepas mendapat arahan doktor, dalam pasaran teras kami menjelang 2025. Pada 2023, IHH menetapkan garis dasar untuk metrik ini pada 54.6%. (Halaman 25, Laporan Kemampanan 2023)</p> <p>a) Memandangkan 45.4% kes A&amp;E masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan, apakah langkah yang sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan kadar kemasukan segera?</p> <p>b) Adakah Kumpulan meramalkan sebarang cabaran untuk mencapai sasaran ini menjelang 2025?</p>
DRB-Hicom Berhad (AGM)	<p>Persatuan Automotif Malaysia (<i>Malaysian Automotive Association, MAA</i>) menjangkakan jualan keseluruhan industri kenderaan (<i>Total Industry Volume, TIV</i>) sebanyak 740,000 unit pada 2024, menyusut 7.47% daripada tahun 2023. MAA mengaitkan penurunan ini dengan kelembapan dalam perbelanjaan pengguna berikutan kebimbangan terhadap rasionalisasi subsidi bersasar, kos sara hidup yang tinggi, Cukai Barang Bernilai Tinggi (<i>High Value Goods Tax</i>) yang dicadangkan serta kadar cukai perkhidmatan yang lebih tinggi untuk perkhidmatan terpilih termasuk pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan. (Halaman 41, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>a) Setakat ini, sejauh manakah Kumpulan mengalami kelembapan dalam permintaan pengguna untuk kenderaan Kumpulan?</p> <p>b) Perkongsian PROTON dengan Smart Automobile Co., Ltd. untuk mengedarkan model kenderaan elektrik (<i>electric vehicles, EV</i>) pintar di Malaysia dan Thailand (Halaman 20, Laporan Tahunan 2023), berapakah bilangan EV pintar yang disasarkan oleh Kumpulan untuk diedarkan pada tahun kewangan 2024?</p>
Sealink International Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian selepas cukai (<i>loss after tax, LAT</i>) sebanyak RM1,740,810 pada tahun kewangan 2023 berbanding LAT sebanyak RM20,174,901 pada tahun kewangan 2022. Peningkatan ini mewakili varians positif berjumlah RM18,434,091 atau 91.37% (Halaman 62, Laporan Tahunan 2023).</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	Memandangkan Kumpulan merekodkan varians positif pada tahun kewangan 2023, apakah prospek prestasi Kumpulan untuk mencapai keputusan keuntungan yang positif dalam dua tahun kewangan akan datang? Bilakah Sealink menjangkakan pemulihan dalam prestasi garis bawah Kumpulan?
Subur Tiasa Holdings Berhad (AGM)	<p>Kos kewangan Kumpulan meningkat sebanyak 24% kepada RM25.7 juta daripada RM20.8 juta pada tahun sebelumnya. Ditambah dengan kemerosotan keuntungan kasar yang berpunca daripada penurunan harga minyak sawit mentah, nisbah perlindungan faedah merosot dengan ketara kepada 0.76 daripada 4.28, menunjukkan bahawa keuntungan tidak mencukupi untuk memenuhi obligasi faedah.</p> <p>Adakah Kumpulan bercadang untuk menstruktur semula hutangnya atau mengumpul dana bagi menangani risiko kecairan serta mengurangkan kos kewangan?</p>
GHL Systems Berhad (AGM)	<p>Pendapatan untuk segmen Perkhidmatan Bersama meningkat 2.2% tahun ke tahun kepada RM133.4 juta (2022: RM130.5 juta) disumbangkan oleh jualan penangkapan data elektronik (<i>Electronic Data Capture, EDC</i>) yang lebih tinggi di Malaysia, yang diimbangi oleh jualan perkakasan yang lebih rendah di Thailand serta kemerosotan dalam pendapatan sewa yang dikutip di Malaysia dan Filipina (Halaman 12, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>a) Berapakah unit terminal EDC yang dijual di Malaysia pada tahun kewangan berakhir 2023? Berapakah peningkatan jumlah ini berbanding tahun sebelumnya? Apakah bahagian pasaran terminal EDC Kumpulan di setiap negara yang menjadi tempat Kumpulan beroperasi?</p> <p>b) Apakah tempoh jaminan untuk terminal EDC sebelum ia memasuki mod penyelenggaraan? Berapakah yuran penyelenggaraan tahunan untuk terminal EDC berbanding harga jualan puratanya? Adakah terdapat sebarang perubahan pada harga jualan atau yuran penyelenggaraan terminal EDC?</p> <p>c) Berapakah kutipan pendapatan sewa di Malaysia dan Filipina pada tahun kewangan berakhir 2023, berbanding tahun kewangan berakhir 2022? Adakah terdapat sebarang trend yang dijangkakan untuk jualan perkakasan di Thailand serta kutipan</p>

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	pendapatan sewa di Malaysia dan Filipina untuk tahun kewangan berakhir 2024?
Magnum Berhad (AGM)	<p>1. "Selain itu, kami memperkenalkan program kesedaran penggunaan tenaga bagi mengurangkan penggunaan tenaga secara proaktif di semua pejabat kami di seluruh negara. Tambahan pula, kami telah memulakan pemasangan panel solar, menandakan satu langkah penting ke arah amalan tenaga yang lestari." (Halaman 10, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Berapakah jumlah penjimatan bil elektrik tahunan hasil daripada program kesedaran penggunaan tenaga serta pemasangan panel solar?</p> <p>2. "Sejak 2022, kami telah menganalisis risiko dan peluang berkaitan iklim dalam sektor berisiko ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) yang tinggi yang penting kepada Kumpulan. Melalui analisis rantai nilai, kami mengenal pasti kesan perubahan iklim ke atas pendorong risiko tertentu dan seterusnya, kesan daripada risiko dan peluang berkaitan iklim ini terhadap Magnum dan pelanggan kami." (Halaman 51, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Apakah risiko berkaitan iklim yang telah dikenal pasti oleh Kumpulan? Apakah langkah yang perlu diambil untuk menangani risiko ini?</p>
Puncak Niaga Holdings Berhad (AGM)	<p>Projek Kuantan dan Projek Bunus mengalami kemajuan yang perlahan pada tahun kewangan 2023 berikutan perintah injunksi yang diserahkan kepada kontraktor serta kelewatan kelulusan permit kerja oleh pihak berkuasa tempatan. Projek Bunus telah diberikan Lanjutan Masa (<i>extension of time, EOT</i>) ke-6 dengan tarikh siap dilanjutkan sehingga 11 Julai 2024, iaitu 6 tahun melangkaui tarikh siap asal. Kumpulan memperoleh EOT No. 4 untuk Projek Kuantan dengan tarikh siap dilanjutkan sehingga 26 Jun 2024 iaitu dua tahun melangkaui tarikh siap asal. (Halaman 21, 26 &amp; 27 Laporan Tahunan 2023)</p> <p>Kelewatan dalam kerja-kerja pembinaan Projek Kuantan dan Projek Bunus boleh mengakibatkan peruntukan sumber tidak berkesan, kos projek berlebihan dan akhirnya kerugian operasi. Memandangkan kelewatan itu bukan disebabkan oleh Kumpulan, adakah Kumpulan telah meminta pampasan daripada pelanggan atau</p>

<b>Perkara penting:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
	<p>kontraktor utama bagi mengurangkan sebahagian daripada kerugian?</p>
Hap Seng Consolidated Berhad (AGM)	<p>Kumpulan telah mengenal pasti Pengurusan Pelepasan sebagai satu daripada hal-hal kelestarian yang ketara berkaitan iklim. Meskipun tidak mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) pada tahun kewangan 2023, Kumpulan menjelaskan bahawa peningkatan dalam keamatan gas rumah hijau Kumpulan sebahagian besarnya disebabkan oleh perubahan dalam metodologi pengiraannya (Halaman 107, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Apakah prestasi sebenar tahun ke tahun jika pelepasan tahun kewangan 2022 dikira semula menggunakan metodologi yang sama yang digunakan untuk pelepasan tahun kewangan 2023?</p>
Pasdec Holdings Berhad (AGM)	<p>Seperti yang dilaporkan pada halaman 106 dalam Laporan Tahunan 2023, Kumpulan mempunyai penghutang perdagangan yang telah lampau tempoh melebihi 91 hari tetapi tidak dirosot nilai, berjumlah RM4,150,730. Ini mewakili 75.12% daripada penghutang perdagangan Kumpulan yang berjumlah RM5,525,814 pada 31 Disember 2023 (Halaman 105, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Adakah jumlah penghutang perdagangan yang telah lampau tempoh melebihi 91 hari yang cukup besar ini menimbulkan kekusaran Lembaga Pengarah? Apakah kesan lanjutan tempoh kredit terhadap aliran tunai Kumpulan? Apakah langkah yang diambil untuk mengutip jumlah tersebut?</p> <p>Terdapat jumlah yang dirosot nilai sebanyak RM3,855,589 (Halaman 106, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Adakah jumlah ini boleh dipulihkan? Jika ya, berapakah jumlah yang berjaya dikutip setakat ini?</p>
Parkson Holdings Berhad (AGM)	<p>Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, perbelanjaan rosot nilai berjumlah RM83,267,000 (2022: RM32,500,000) telah direkodkan dalam penyata untung atau rugi yang disatukan, memandangkan anak syarikat yang berkaitan telah mengalami kerugian dan tidak berkemungkinan menjana keuntungan sejauh yang dapat diramalkan pada masa hadapan (Halaman 145, Laporan Tahunan 2023).</p>

Perkara penting:																	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan																
	<p>Anak syarikat manakah yang mencatatkan perbelanjaan rosot nilai yang ketara dan apakah jenis perniagaan mereka? Adakah terdapat kebarangkalian berlaku pertambahan dalam perbelanjaan rosot nilai pada tahun kewangan 2024?</p>																
Malaysia Smelting Corporation Berhad (AGM)	<p>Jumlah penggunaan tenaga telah meningkat sejak beberapa tahun lalu, namun penggunaan tenaga boleh diperbaharui telah menyusut dengan ketara. (Halaman 36, Laporan Tahunan 2023)</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>FY2021</th> <th>FY2022</th> <th>FY2023</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="4"><b>Energy Consumption (million kWh)</b></td> </tr> <tr> <td>Total energy consumption</td> <td>34.0</td> <td>43.3</td> <td>43.5</td> </tr> <tr> <td>Renewable energy consumption</td> <td>4.5</td> <td>1.3</td> <td>0.2</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mengapakah Kumpulan menghentikan penjana kuasa hidro di tapak perlombongannya pada tahun kewangan 2023? Apakah sasaran pihak pengurusan dari segi penggunaan tenaga boleh diperbaharui dalam tempoh tiga tahun akan datang atau jangka yang lebih panjang?</p>		FY2021	FY2022	FY2023	<b>Energy Consumption (million kWh)</b>				Total energy consumption	34.0	43.3	43.5	Renewable energy consumption	4.5	1.3	0.2
	FY2021	FY2022	FY2023														
<b>Energy Consumption (million kWh)</b>																	
Total energy consumption	34.0	43.3	43.5														
Renewable energy consumption	4.5	1.3	0.2														
Tong Herr Resources Berhad (AGM)	<p>1. Syarikat tidak menerima pakai Amalan 7.1 dan 7.2 dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) kerana mereka tidak mempunyai:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dasar dan prosedur imbuhan bagi menentukan imbuhan pengarah dan pengurusan kanan, yang mengambil kira permintaan, kerumitan dan prestasi syarikat serta kemahiran dan pengalaman yang diperlukan.</li> <li>- Jawatankuasa Imbuhan (<i>Remuneration Committee, RC</i>) untuk melaksanakan dasar dan prosedur Syarikat yang berhubung imbuhan termasuk menyemak dan mengesyorkan perkara yang berkaitan imbuhan lembaga pengarah dan pengurusan kanan.</li> </ul> <p>Memandangkan Syarikat tidak mempunyai RC dan dasar imbuhan, Lembaga Pengarah akan membuat keputusan yang berkaitan pakej imbuhan pengarah eksekutif dan bukan eksekutif. Pengarah yang terlibat tidak mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan yang berkaitan pakej imbuhan mereka.</p> <p>a) Mengapakah Tong Herr tidak menubuhkan RC bagi membincangkan hal-hal yang berkaitan</p>																

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>imbuan pengarah dan pengurusan kanan secara berfokus dan bersasar? Apakah cabaran yang menghalang Tong Herr daripada mewujudkan RC dan dasar imbuhan? Bilakah Kumpulan akan mewujudkan RC dan dasar imbuhan yang rasmi?</p> <p>b) MCCG menggalakkan RC terdiri daripada pengarah bukan eksekutif (<i>non-executive directors, NED</i>) dan majoriti daripada mereka mestilah pengarah bebas.</p> <p>Walaupun pengarah yang terlibat akan mengelak daripada membincangkan imbuhan mereka di peringkat lembaga, bagaimanakah Lembaga memastikan perbincangan itu kekal saksama dan objektif, memandangkan Lembaga Pengarah sebahagian besarnya diterajui oleh pengarah bukan bebas (enam daripada sembilan pengarah) dengan lima daripada mereka mempunyai pertalian persaudaraan?</p> <p>c) Komposisi lembaga pengarah semasa menyaksikan tiga daripada sembilan pengarah adalah pengarah bebas, yang bermakna Tong Herr tidak menerima pakai Amalan 5.2 MCCG yang menyatakan bahawa sekurang-kurangnya separuh daripada lembaga pengarah terdiri daripada pengarah bebas.</p> <p>Oleh yang demikian, keperluan untuk mempunyai majoriti pengarah bebas menjadi lebih penting bagi mengelakkan perbincangan dan proses membuat keputusan daripada dikuasai oleh sekumpulan individu terpilih, seperti ahli keluarga.</p> <p>Kami menggesa Syarikat untuk menerima pakai Amalan 5.2 MCCG bagi memupuk objektiviti dan tadbir urus korporat yang lebih ketara dalam bilik lembaga.</p>
Telekom Malaysia Berhad (AGM)	Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan pelepasan karbon dalam operasi Syarikat, Telekom mempergiat usaha ke arah kecekapan tenaga termasuk pemodenan rangkaian. (Halaman 41, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)

Perkara penting:	
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
	<p>a) Berapakah jangkakan jumlah perbelanjaan modal yang diperlukan untuk pemodenan rangkaian?</p> <p>b) Berapakah peratusan rangkaian yang sudah dimodenkan sehingga kini?</p> <p>c) Sejauh manakah peningkatan kecekapan tenaga dalam rangkaian selepas usaha pemodenan?</p>
Axiata Group Berhad (AGM)	<p>Amalan 5.9 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) menetapkan bahawa Lembaga Pengarah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.</p> <p>Pada 31 Disember 2022, Pengarah wanita dalam Lembaga Pengarah Axiata terdiri daripada Dato' Dr Nik Ramlah Nik Mahmood dan Khoo Gaik Bee, yang merangkumi 22% kadar perwakilan wanita dalam Lembaga yang mempunyai sembilan Pengarah. (Halaman 39, Laporan Tadbir Urus Korporat 2022)</p> <p>Pada 31 Disember 2023, Pengarah wanita dalam Lembaga Pengarah Axiata terdiri daripada Dato' Dr Nik Ramlah Nik Mahmood, Khoo Gaik Bee dan Maya Hari yang memberikan kadar perwakilan wanita sebanyak 27.27% dalam Lembaga seramai sebelas Pengarah. (Halaman 40, Laporan Tadbir Urus Korporat 2023)</p> <p>a) Syarikat telah melantik seorang lagi pengarah wanita ke dalam Lembaga Pengarah pada 31 Disember 2023. Apakah manfaat yang diperolehi Lembaga daripada peningkatan kepelbagaian jantina dalam kalangan ahlinya? Bagaimanakah manfaat ini mempengaruhi prestasi Lembaga Pengarah?</p> <p>b) Syarikat menyatakan jangka masa yang sama dalam Laporan Tadbir Urus Korporat 2022 dan Laporan Tadbir Urus Korporat 2023 berhubung pelantikan pengarah wanita tambahan iaitu menjelang 2025 atau secepat mungkin dengan mengenal pasti calon yang sesuai yang memiliki kelayakan dan pengalaman yang diperlukan yang memenuhi syarat yang ditetapkan untuk jawatan dalam Lembaga Pengarah.</p> <p>Apakah cabaran yang dihadapi oleh Syarikat untuk melantik pengarah wanita? Bagaimanakah Syarikat berhasrat untuk menangani cabaran ini?</p>



Perkara penting:															
Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan														
Veleso Energy Berhad (AGM)	<p>Kadar Penyewaan Harian (<i>Daily Charter Rate, DCR</i>) sepatutnya kekal atau meningkat kerana bekalan pelantar yang dipasarkan terus menurun meskipun permintaan meningkat. Di samping itu, syarikat minyak dan gas sedang mengeluarkan tender untuk kontrak penggerudian yang lebih berjangka panjang, menandakan keyakinan yang kukuh dalam jangkaan peningkatan penggunaan minyak dan gas pada masa hadapan. (Halaman 18, Laporan Tahunan Bersepadu 2023)</p> <p>a) Apakah sebab utama kemerosotan bekalan rig? Sejauh manakah ketidakpadanan antara bekalan dan permintaan?</p> <p>b) Adakah pihak Pengurusan meramalkan prospek yang positif akan berterusan dari tahun kewangan 2024 hingga tahun kewangan 2025?</p>														
Bumi Armada Berhad (AGM)	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2"></th> <th colspan="2">Kumpulan</th> </tr> <tr> <th>2023 RM'000</th> <th>2022 RM'000</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perbelanjaan pentadbiran</td> <td>(138,792)</td> <td>(84,826)</td> </tr> <tr> <td>(Rosot nilai)/Pembalikan rosot nilai</td> <td>(514,351)</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>- Hartanah, loji dan peralatan</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>(Halaman 138, Laporan Tahunan 2023)</p> <p>1. Walaupun pendapatan Kumpulan lebih rendah, mengapakah terdapat peningkatan yang ketara dalam perbelanjaan pentadbiran pada tahun kewangan 2023? Melangkah ke hadapan, akan adakah usaha yang ketara untuk mengoptimumkan perbelanjaan?</p> <p>2. Apakah yang menyebabkan rosot nilai yang ketara berjumlah RM514.3 juta ke atas hartanah, loji dan peralatan pada tahun kewangan 2023? Apakah kebarangkalian berlaku pertambahan rosot nilai atau pembalikan dalam tahun kewangan 2024?</p>		Kumpulan		2023 RM'000	2022 RM'000	Perbelanjaan pentadbiran	(138,792)	(84,826)	(Rosot nilai)/Pembalikan rosot nilai	(514,351)	-	- Hartanah, loji dan peralatan		
	Kumpulan														
	2023 RM'000	2022 RM'000													
Perbelanjaan pentadbiran	(138,792)	(84,826)													
(Rosot nilai)/Pembalikan rosot nilai	(514,351)	-													
- Hartanah, loji dan peralatan															

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Dr Ismet Yusoff, Ketua Pegawai Eksekutif ([ismet@mswg.org.my](mailto:ismet@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))  
Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))  
Yan Lai Kuan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([yan.laikuan@mswg.org.my](mailto:yan.laikuan@mswg.org.my))  
Lam Jun Ket, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([lam.junket@mswg.org.my](mailto:lam.junket@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

*Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).*

*Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.*

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*